

Bantah tindakan kerajaan negeri

50 peneroka dakwa hasil kerja keras mereka 'dirampas'



■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM - Kira-kira 50 peneroka Tanah Parit 14/15, Simpang 5, Sungai Panjang, Sabak Bernam membuat bantahan aman di pintu masuk Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) membantah tindakan Kerajaan Negeri Selangor yang didakwa ingin mengambil alih tanah hutan simpan Sungai Karang.

Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi berkata, pengambilalihan itu dikatakan dibuat melalui Perbadanan Menteri Besar (MBI) dan diurus Oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS).

"Tindakan kerajaan negeri itu menimbulkan persoalan mengapa mereka tidak membangunkan kawasan ladang sawit yang baru.

"Kenapa bersungguh-sungguh mahu ambil ladang yang diteroka secara kecil-kecilan oleh rakyat," katanya.

Menurutnya, tanah itu mula diteroka secara kecil-kecilan pada lewat tahun 40-an dan awal 60-an iaitu selepas pembinaan Terusan Utama/Main Channel/Ban Kanal.

"Ia mula diteroka dengan tanaman padi, sawit dan koko dan aktiviti penanaman juga tidak mengganggu status hutan simpan dan pengairan padi di kawasan berdekatan.

"Hasil itulah digunakan mereka untuk menyara keluarga dan menyekolahkan anak-anak," katanya.

Beliau berkata, majlis penerangan telah diadakan pada 12 April lalu di Masjid Al Khairiah Parit 14 Darat, Simpang 5, namun tiada sebarang jaminan berkaitan status pemilikan tanah kepada peneroka.



ZULKIFLI



Lebih 50 peneroka tanah dari kawasan Parit 14 dan Parit 15, Sungai Panjang mengadakan demonstrasi secara aman di hadapan Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, semalam.

"Di mana agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor? Setiap inci tanah yang diusahakan diambil balik.

"Hari demi hari rakyat semakin menderita di bawah pemerintahan kerajaan PR.

"Saya desak kerajaan negeri tarik balik keputusan ambil alih tanah dan memberikan hak milik kekal kepada mereka," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Pekebun-pekebun Kecil Parit 14, Simpang 5, Zulkifli

Zakaria yang mewakili peneroka berkata, peneroka kesal dengan tindakan kerajaan negeri yang mengetepikan sensitiviti peneroka Melayu.

"Mereka dikatakan ingin pajak tanah yang kita usahakan kepada pemimpin DAP untuk tempoh 100 tahun.

"Kami juga kesal bila dituduh sebagai peneroka haram dan jangan tebang pokok sawit yang ditanam kerana itu punca pendapatan kami," katanya.

Bantahan yang berlangsung hampir sejam itu berakhir selepas memorandum bantahan diserahkan Budiman kepada wakil menteri besar sekitar jam 12 tengah hari.